

241034

4000005507



ANALISIS STATISTIK TERHADAP JENAYAH DI NEGERI SABAH

KWAN WAI YAN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2004

PERPUSTAKAAN UMS



1400005507



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: ANALISIS STATISTIK TERHADAP SENAYAH DI

NEGERI SABAH

Ijazah: Sarjana Muda Sains Matematik dgr. Ekonomi

SESI PENGAJIAN: 2004

Saya KWAN WAI YEN

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPS/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sabaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: 847, Kg. Semarak
Jln: Semarak, 84100 Kuala Lumpur

Nama Penyelia

Lampur

Tarikh: 24/03/2004

Tarikh:

CATATAN: * Potong yang tidak berkeraan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkeraan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

Saya mengakui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

8 Mac 2004



KWAN WAI YAN

HS 2001-1166




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DIPERAKUKAN OLEH

Tandatangan

1. PENYELIA

(Cik Darmesah Bt. Gabda)



2. PEMERIKSA 1

(Encik Rozaini Roslan)




3. PEMERIKSA 2

(Puan Siti Rahayu Bt. Mohd Hashim)



4. DEKAN

(Prof. Madya Dr. Amran Ahmed)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya terlebih dahulu, beliau adalah Cik Darmesah Gabda. Beliau telah memberikan tunjuk ajar kepada saya dalam proses menjalankan kajian.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang kakitangan yang bekerja di Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sabah. Mereka telah memberi kerjasama yang sepenuhnya dengan membantu saya mengumpulkan data-data kajian. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan saya yang telah memberi nasihat dan pertolongan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada mereka tidak disebut di atas.

KWAN WAI YAN

HS2001-1166

8 FEBRUARI 2004

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan tren kadar jenayah dalam negeri Sabah, di samping mengkaji perhubungan yang mungkin wujud antara jenayah dengan tenaga buruh mengikut pencapaian pendidikan dan strata. Kajian ini menggunakan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dari tahun 1961 hingga tahun 2000. Manakala data kadar tenaga buruh adalah dari tahun 1992 hingga tahun 2000. Tetapi penyiasatan tenaga buruh tidak dijalankan pada tahun 1994, maka data kadar tenaga hanya melibatkan 8 tahun. Penjelasan tren kadar jenayah adalah melalui rajah garis dan peratus perubahan dalam bentuk jadual supaya lebih mudah difahami. Perhubungan antara kadar jenayah dengan kadar tenaga buruh mengikut pendidikan dan strata ditentukan dengan kaedah korelasi. Kadar jenayah pada amnya mempunyai tiga nilai yang tinggi iaitu pada tahun 1977, 1984 dan 1998. Didapati kadar jenayah mempunyai hubungan yang negatif dengan tenaga buruh yang mempunyai pendidikan rendah dan tertiar. Kadar jenayah terhadap manusia mempunyai perhubungan yang negatif dengan kadar tenaga buruh dengan pendidikan menengah. Tetapi tiada perhubungan yang bererti antara kadar tenaga buruh yang tiada pendidikan rasmi dengan kadar jenayah. Dengan mengkaji sejarah tentang jenayah dan mengkaji perhubungan yang wujud antara kadar jenayah dengan kadar tenaga buruh mengikut pendidikan, dapat merancang suatu polisi yang lebih berkesan. Jika pencapaian pendidikan semakin meningkat dalam tenaga buruh, pada waktu yang sama kadar jenayah semakin menurun.

ABSTRACT

This research is to interpreting the criminal trend in Sabah, and analysis the relationship that might be occur between criminal rate with labour force rate by educational attainment and stratum. This research is using the data from Department of Statistics Malaysia. Criminal data is from year 1961 to year 2000. while labour force rate is from year 1992 to year 2000. There was no labour force survey in year 1994, so the labour force rate data only available for 8 years. Interpretation of the criminal rate will be shown by line graphs and percentage of change is shown in tables. The relationship between criminal rate and labour force by educational attainment and stratum can be determined using Pearson's correlation coefficient. The trend show that criminal rate has the three highest values, each value is in year 1977, 1984 and year 2000. The results from Pearson's correlation coefficient show that the labour force rate with primary educational or tertiary educational has negative relationship with criminal rate. The labour force rate with secondary educational has negative relationship with criminal against the person. But there is no significant relationship between labour force with no formal educational with criminal rate. When the educational attainment of labour force is getting higher, at the same time the criminal rate is getting lower. So the government should giving more educational to the people.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	1
1.1.1 Kelas Sosial Dan Jenayah	4
1.1.2 Jantina Dan Jenayah	5
1.1.3 Umur Dan Jenayah	5
1.2 JENIS DATA DALAM KAJIAN	6
1.3 KATEGORI JENAYAH DAN JENIS JENAYAH	7
1.4 SISTEM KEADILAN JENAYAH DALAM MALAYSIA	15
1.5 SKOP KAJIAN	16
1.6 OBJEKTIF KAJIAN	17
1.7 ANDAIAN	18
BAB 2 ULASAN LITERATUR	19
2.1 KAJIAN LEPAS	19
BAB 3 KAEDAH	31
3.1 KADAR JENAYAH	31
3.2 STATISTIK PERIHALAN	32
3.2.1 Sukatan Memusat	33
3.2.2 Sukatan Serakan	37
3.3 STATISTIK PENTAABIRAN	40

BAB 4 KEPUTUSAN	42
4.1 TREN KADAR JENAYAH DAN PERATUS PERUBAHAN	42
4.1.1 Kadar Jenayah Dalam Negeri Sabah	42
4.1.2 Kadar Jenayah Melanggar Undang-undang	45
4.1.3 Kadar Jenayah Sumbang Yang Mengaibkan	48
4.1.4 Kadar Jenayah Terhadap Manusia	50
4.1.5 Kadar Jenayah Terhadap Harta Benda	52
4.1.6 Kadar Jenayah Curi Dan Lain-lain Curian	54
4.1.7 Kadar Langgaran Rumah Dengan Bersembunyi Atau Pecah Rumah	56
4.1.8 Kadar Lain-lain Kesalahan Yang Dilakukan Di Bawah Undang-undang Kanun Keseksaan Jenayah	58
4.2 KEPUTUSAN KORELASI	60
4.2.1 Perhubungan antara Kadar-kadar Jenayah dengan Kadar Tenaga Buruh Dalam Negeri Sabah mengikut Pencapaian Pendidikan	60
4.2.2 Perhubungan antara Kadar-kadar Jenayah dengan Kadar Tenaga Buruh Dari Bandar mengikut Pencapaian Pendidikan	61
4.2.3 Perhubungan antara Kadar-kadar Jenayah dengan Kadar Tenaga Buruh Dari Luar Bandar mengikut Pencapaian Pendidikan	62
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	64
5.1 PERBINCANGAN KEPUTUSAN	64
5.2 KESIMPULAN	67
5.3 KOMEN DAN CADANGAN	68
RUJUKAN	69
LAMPIRAN A	72

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
4.1 Peratus Perubahan Kadar Jenayah Dalam Negeri Sabah	44
4.2 Peratus Perubahan Kadar Jenayah Melanggar Undang-undang	47
4.3 Peratus Perubahan Jenayah Sumbang Yang Mengaibkan	49
4.4 Peratus Perubahan Kadar Jenayah Terhadap Manusia	51
4.5 Peratus Perubahan Kadar Jenayah Terhadap Harta Benda	53
4.6 Peratus Perubahan Kadar Jenayah Curi Dan Lain-lain Curian	55
4.7 Peratus Perubahan Kadar Jenayah Langgaran Rumah Dengan Bersembuyi Atau Pecah Rumah	57
4.8 Peratus Perubahan Kadar Lain-lain Kesalahan Yang Dilakukan Di Bawah Undang-undang Kanun Keseksaan Jenayah	59
4.9 Pekali Korelasi <i>Pearson</i> bagi Kadar-kadar Jenayah dengan Kadar Tenaga Buruh Dalam Negeri Sabah mengikut Pencapaian Pendidikan	61
4.10 Pekali Korelasi <i>Pearson</i> bagi Kadar-kadar Jenayah dengan Kadar Tenaga Buruh Dari Bandar mengikut Pencapaian Pendidikan	62
4.11 Pekali Korelasi <i>Pearson</i> bagi Kadar-kadar Jenayah dengan Kadar Tenaga Buruh Dari Luar Bandar mengikut Pencapaian Pendidikan	63

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Jenis Jenayah Mengikut Kategori	8
3.1 Taburan Terpencong Negatif Dan Taburan Terpencong Positif	36
3.2 Jenis Taburan Dengan Darjah Kurtosis Yang Berbeza	39
4.1 Tren Kadar Jenayah Dalam Negeri Sabah	43
4.2 Tren Kadar Jenayah Melanggar Undang-undang	46
4.3 Tren Kadar Jenayah Sumbang Yang Mengaibkan	48
4.4 Tren Kadar Jenayah Terhadap Manusia	50
4.5 Tren Kadar Jenayah Terhadap Harta Benda	52
4.6 Tren Kadar Jenayah Curi Dan Lain-lain Curian	54
4.7 Tren Kadar Jenayah Langgaran Rumah Dengan Bersembuyi Atau Pecah Rumah	56
4.8 Tren Kadar Lain-lain Kesalahan Yang Dilakukan Di Bawah Undang-undang Kanun Keseksaan Jenayah	58

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Jenayah pada umumnya dikenali sebagai kelakuan yang melanggar undang-undang (Sullivan, 2003). Kita selalu mengatakan jenayah adalah kejadian yang dilaporkan kepada pihak polis. Tetapi, tafsiran jenayah adalah sangat luas daripada pelbagai pihak, kerana ia boleh wujud dalam pelbagai bentuk yang berbeza dan jenisnya menjadi semakin banyak mengikut aliran masa. Dalam zaman yang maju ini, bentuk jenayah menjadi lebih kompleks untuk dijelaskan. Oleh itu penjelasan adalah berbeza mengikut pihak-pihak tertentu, menjadikan jenayah tidak mempunyai suatu tafsiran yang jelas.

Psikologi menjelaskan jenayah adalah berkaitan dengan gangguan atau ketidakseimbangan personaliti, yang selalunya telah wujud semasa seseorang masih berumur kecil atau muda (Sullivan, 2003). Ahli psikologi percaya bahawa pemikiran yang berjenayah adalah berhubung dengan cara hidup semasa seseorang masih dalam peringkat kanak-kanak. Kelakuan yang berjenayah adalah satu perkembangan daripada pemikiran yang telah tercemar semasa peringkat kanak-kanak. Pada peringkat kanak-kanak, seseorang mungkin telah menerima layanan yang tidak adil

atau tidak baik dari segi fizikal atau mental. ‘Layanan’ tersebut berkemungkinan besar adalah diberi oleh ibu, bapa, saudara, rakan-rakan atau penjaga. Selain daripada pengaruh semasa peringkat kanak-kanak, kelakuan jenayah juga dipengaruhi oleh masalah-masalah keluarga, layanan yang tidak adil, kemiskinan, pengangguran dan sebagainya (Sullivan, 2003).

Ahli sosiologi pula berpendapat jenayah adalah berhubungan dengan perubahan sistem masyarakat (Sullivan, 2003). Sebagai contoh, kadar pengangguran yang semakin meningkat akan menyebabkan kadar jenayah juga semakin meningkat. Pada waktu awal, seseorang akan mendapatkan pekerjaan yang sah di sisi undang-undang sebagai mata pencarian mereka. Tetapi keadaan kadang-kala tidak sebegitu, mereka terpaksa menganggur mungkin kerana tahap pendidikan yang rendah. Ini menyebabkan mereka akan memilih untuk melakukan pekerjaan yang haram bagi menampung kehidupan. Begitu juga sekiranya kadar kemiskinan semakin meningkat dalam sesebuah masyarakat, mereka akan cenderung untuk mencuri atau merompak untuk memenuhi keperluan (Sheley, 2000). Budaya melepak menyebabkan lebih banyak laporan tentang jenayah *vandalisme*.

Sullivan (2003) mengatakan sosiologi juga mengatakan kecenderungan ke arah jenayah adalah dipengaruh oleh individu selain dipengaruhi oleh politik, pendidikan, pekerjaan dan sebagainya. Sebagai contoh, terpengaruh dengan rakan yang berpendapat bahawa kegiatan-kegiatan yang salah di sisi undang-undang seperti pecah rumah, mencuri kenderaan, pelacuran, menjual beli atau menyeludup dadah dan sebagainya akan mendapat pulangan yang lebih tinggi. Tambahan lagi, kesemua kegiatan ini dapat memberikan pulangan yang lumayan dalam masa yang paling

singkat. Oleh itu seseorang yang tidak berfikiran matang yang bergaul dengan rakan seperti ini mudah terpengaruh oleh kata-kata rakannya.

Dalam menentukan jenayah dari sudut undang-undang, dua perkara utama perlu difokuskan, iaitu berkaitan dengan interpretasi Parlimen dan juga maksud kesalahan awam (*public wrong*) atau kesalahan moral (*moral wrong*) (Haji Ibrahim, 1995). Sebagai contoh, jika parlimen telah membentukkan undang-undang yang menafsirkan kelakuan membunuh, mencedera, mencuri sebagai jenayah, maka Polis DiRaja Malaysia boleh mengambil tindakan untuk membanteras secara rasmi. Kelakuan seperti bertengkar, meludah, membuat bising di perpustakaan dikatakan kesalahan awam atau kesalahan moral di mana tidak akan tersenarai sebagai jenayah atau ditangkap oleh polis.

Walaupun terdapat pelbagai penjelasan tentang jenayah, namun kes jenayah tetap merupakan salah satu masalah masyarakat yang tidak disenangi oleh semua pihak. Kesan daripada jenayah tidak boleh dipandang ringan, kesannya dapat dirasai daripada individu hingga ke sebuah negara. Andaikan kita hendak menjadikan negara ini sebagai satu tumpuan pelancongan, mungkinkah pelancong akan datang sekiranya kadar jenayah semakin meningkat? Atau sekiranya kita hendak mendapatkan pelaburan daripada luar negara, mungkinkah mereka yakin dengan perkembangan ekonomi negara kita sedangkan keamanan negara kita sedang dicemari oleh jenayah.

1.1.1 Kelas Sosial Dan Jenayah

Dalam masyarakat, tidak ada kaedah yang tertentu atau dikatakan yang terbaik untuk menentukan kedudukan sosial (*social position*) seseorang, sama ada daripada kelas atasan, kelas pertengahan atau kelas bawahan. Tetapi selalunya kelas ditentukan dalam kajian dengan mengikut pendapatan, pekerjaan, dan pendidikan seseorang (Beirne dan Messerschmidt, 1995). Jika gaji seseorang adalah tinggi atau mempunyai pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi atau mempunyai tahap pendidikan yang cukup tinggi, maka dia dikatakan daripada kelas atasan. Dan jika seseorang adalah bergaji rendah atau tidak berpelajaran, maka dia dikelaskan dalam kedudukan sosial bawahan.

Mereka yang daripada kelas bawahan lebih kerap melakukan jenayah mencuri, pecah rumah, merompak dan sebagainya. Manakala mereka yang dari kelas atasan dan pertengahan selalunya melakukan jenayah berkolar putih (*white-collar*), pencemaran, politik dan sebagainya. Oleh itu jenis jenayah dikatakan berlaku mengikut kedudukan sosial (Beirne dan Messerschmidt, 1995). Faktor-faktor melakukan jenayah berbeza mengikut kedudukan sosial seseorang. Faktor yang mendorong kelas bawahan melakukan jenayah adalah kerana kemiskinan, pengangguran, pendapatan rendah, pekerjaan yang susah. Manakala faktor yang mendorong kelas atasan dan pertengahan melakukan jenayah kerana keuntungan, kuasa, pesaingan (Beirne dan Messerschmidt, 1995).

1.1.2 Jantina Dan Jenayah

Dalam kes-kes jenayah yang dapat diselesaikan, dapat disimpulkan bahawa kaum lelaki lebih kerap melakukan jenayah daripada kaum perempuan. Jenis jenayah yang dilakukan oleh kaum lelaki selalunya lebih berat dan serius seperti, membunuh, mencedera, jenayah harta benda yang lebih berat, jenayah politik dan sebagainya. Manakala kaum wanita selalunya melakukan jenayah harta benda yang kecil-kecilan, seperti mencuri dalam kedai, atau jenayah pelacuran (Beirne dan Messerschmidt, 1995). Kaum lelaki juga merupakan mangsa jenayah yang lebih ramai daripada kaum wanita. Kaum lelaki selalunya menjadi mangsa kepada jenayah kekerasan dan jenayah harta benda, kecuali jenayah seperti dirogol, dicabuli kehormatan, dan sebagainya (Beirne dan Messerschmidt, 1995).

1.1.3 Umur Dan Jenayah

Masyarakat daripada peringkat umur yang berbeza adalah terlibat dalam jenayah yang berbeza juga. Sebagai contoh, remaja daripada umur 12 tahun hingga 19 tahun selalu terlibat dalam jenayah harta benda seperti mencuri dan menyeluk saku. Pemuda daripada umur 20 tahun hingga 24 tahun selalunya melakukan jenayah harta benda yang lebih serius seperti pecah rumah atau melibatkan nilai barang curian yang lebih tinggi. Manakala masyarakat yang berumur 35 tahun dan ke atas kurang terlibat dalam kes-kes jenayah (Beirne dan Messerschmidt, 1995).

1.2 Jenis Data Dalam Kajian

Terdapat pelbagai jenis data boleh digunakan untuk menjalankan kajian jenayah. Antaranya terdapat tiga jenis data yang selalu digunakan adalah data rasmi, data mangsa jenayah dan data penjenayah.

Data rasmi adalah data yang meliputi seluruh negara atau selalunya kawasan yang lebih luas. Selalunya data jenis ini boleh didapati daripada pihak polis. Data adalah berkaitan dengan bilangan kes jenayah yang dilaporkan kepada polis mengikut jenis kes jenayah, tahun, kawasan, umur penjenayah, jantina penjenayah dan sebagainya. Data jenis ini hanya melibatkan kes-kes jenayah yang dilaporkan kepada polis sahaja. Kes jenayah yang berlaku tetapi tidak dilaporkan kepada polis, maka kes ini diabaikan daripada data rasmi. Kelemahan yang mungkin berlaku adalah data rasmi tidak memberi nilai sebenar. Andaikan satu kes rompakan yang melibatkan lima orang mangsa telah berlaku, laporan daripada setiap orang mangsa akan direkodkan sebagai satu kes rompakan dan akhirnya menjadi lima kes rompakan yang berlaku.

Data daripada mangsa jenayah adalah melalui tinjauan dengan suatu sampel yang cukup besar. Tujuan tinjauan dijalankan adalah hendak mendapatkan bilangan kes jenayah sebenar, sedangkan terdapat kes-kes jenayah yang tidak dilaporkan seperti kecurian yang kecil dan jenayah rogol. Pada masa yang sama, data daripada tinjauan adalah lebih teliti berbanding dengan data rasmi. Tetapi data jenis ini tidak memberikan maklumat tentang pembunuhan, sebab tinjauan tidak dapat dijalankan ke atas mangsa pembunuhan yang telah meninggal dunia.


Data penjenayah adalah satu tinjauan kepada penjenayah. Borang tinjauan akan diedarkan kepada orang awam. Penjenayah yang pernah melakukan kes jenayah akan mengisikan borang, borang yang diedar akan dikumpulkan. Data ini dapat memberikan maklumat yang lebih penting dan lebih jelas tentang ciri-ciri sesuatu kes jenayah dan penjenayah seperti latar belakang penjenayah, sifat penjenayah, sebab penjenayah, apakah sasaran penjenayah.

1.3 Kategori Jenayah Dan Jenis Jenayah

Jenayah adalah wujud dalam pelbagai bentuk. Dalam undang-undang jenayah, terdapat juga pelbagai definisi yang berbeza untuk setiap jenis jenayah. Kes-kes jenayah yang dilaporkan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di negeri Sabah pada umumnya dibahagi kepada lima kategori utama. Lima kategori utama adalah seperti berikut:

- a. Melanggar Undang-undang
- b. Perbuatan Sumbang Yang Mengaibkan
- c. Kesalahan Terhadap Manusia
- d. Kesalahan-kesalahan Terhadap Harta Benda
- e. Lain-lain Kesalahan Yang Dilakukan Di Bawah Undang-undang Kanun Keseksaan Jenayah

Dalam setiap kategori utama jenayah, terbahagi kepada beberapa jenis jenayah pula. Jenis jenayah mengikut kategorinya dapat diringkas seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Jenis-jenis kesalahan mengikut kategori.

a. Kategori jenayah yang pertama, iaitu jenayah melanggar undang-undang terbahagi kepada empat jenis, iaitu:

- i. Melanggar Ketenteraman Awam.
- ii. Kesaksian Palsu Dan Kesalahan Yang Berlawanan Dengan Keadilan Sumpah Bohong.
- iii. Lari Dari Tahanan Dan Tangkapan, dan.
- iv. Lain-lain.

b. Kategori jenayah yang kedua, iaitu jenayah yang merupakan perbuatan sumbang yang mengaibkan terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

- i. Rogol Dan Mencabul Kehormatan.
- ii. Perbuatan Luar Biasa, dan.
- iii. Lain-lain.

c. Kategori jenayah yang ketiga, iaitu jenayah yang merupakan kesalahan terhadap manusia terbahagi kepada lima jenis, iaitu:

- i. Bunuh Dan Salah Bunuh.
- ii. Cuba Membunuh Dan Cuba Bunuh Diri.
- iii. Mendatangkan Luka Parah, Luka Dan Sebagainya.
- iv. Menggunakan Kekerasan Jenayah, dan
- v. Lain-lain.

d. Kategori jenayah yang keempat, iaitu jenayah yang merupakan kesalahan-kesalahan terhadap harta benda terbahagi kepada tujuh jenis, iaitu:

- i. Curi Dan Lain-lain Curian.
- ii. Samun Dan Peras Ugut.
- iii. Langgaran Rumah Dengan Bersembunyi Atau Pecah Rumah.
- iv. Menyamar, tipu, Memalsukan Dan Sebagainya.
- v. Menerima barang-barang Curi.
- vi. Bencana Dengan Menggunakan Api, dan
- vii. Lain-lain.

e. Kategori jenayah yang kelima, iaitu jenayah yang merupakan lain-lain kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang kanun keseksaan jenayah terbahagi kepada dua jenis, iaitu:

- i. Pemalsuan Dan Melencungkan Duit, dan
- ii. Lain-lain.

Perbuatan sumbang yang mengaibkan yang selalu berlaku adalah merogol dan mencabul kehormatan. Jenayah rogol dikatakan adalah perbuatan memaksa wanita mengadakan perhubungan seks dengan lelaki tanpa keinginan daripada pihak wanita, kecuali wanita adalah isteri kepada lelaki itu (Adler *et al.*, 1998). Jenayah merogol selalunya menyebabkan kecederaan juga jika mangsa cuba melawan perogol. Wanita yang dirogol atau dicabuli oleh suami, ahli keluarga, rakan atau orang yang dikenali selalunya tidak melaporkan kepada polis. Ini adalah kerana mereka akan berasa sungguh malu dalam masyarakat jika kes mereka telah diketahui oleh orang ramai

(Beirne dan Messerschmidt, 1995). Oleh itu menyebabkan data daripada polis tentang bilangan kes rogol selalunya kurang daripada jumlah kes sebenar.

Pembunuhan adalah kematian seseorang yang disebabkan oleh orang lain (Adler *et al.*, 1998). Terdapat jenis pembunuhan yang sah di sisi undang-undang, seperti pembunuhan oleh polis, askar, orang yang mempertahankan diri. Pembunuhan yang tidak sah adalah jenayah yang berat. Pembunuhan boleh dibahagi kepada dua jenis, iaitu membunuh dengan niat dan salah membunuh. Pembunuhan berniat adalah disebabkan pertengkar, dendam, rompakan. Jenayah salah bunuh adalah pembunuhan yang tidak berniat. Pembunuh adalah secara tidak sengaja menyebabkan kematian seseorang. Pembunuh mungkin adalah seseorang rakan yang dikenali oleh mangsanya, orang yang tidak dikenali, ahli keluarga, dalam kumpulan (Adler *et al.*, 1998).

Jenayah melukakan mangsa adalah perbuatan mencederakan badan mangsa atau dikatakan menyerang mangsa. Jenayah ini terbahagi kepada serangan yang biasa dan serangan yang berat. Serangan yang biasa adalah menyebabkan kecederaan yang ringan. Serangan yang berat adalah menyebabkan kecederaan yang parah sehingga mangsa hampir mati. Selalunya serangan yang berat melibatkan pelbagai jenis senjata yang sungguh berbahaya (Adler *et al.*, 1998). Senjata yang berbahaya akan menyebabkan kecederaan mangsanya yang parah seperti patah tangan, cacat, dan hampir mati. Satu jenis jenayah mencederakan mangsa adalah penderaan. Penderaan boleh berlaku dalam keadaan ibu bapa ke atas anaknya, anak ke atas ibu bapanya, guru ke atas muridnya dan pelbagai keadaan yang lain yang mungkin wujud. Penderaan selalu berlaku dalam keluarga yang dilakukan oleh ibu bapa. Penderaan

yang lebih serius boleh berlaku sehingga boleh menyebabkan kematian. Jenayah ini lebih susah dikesan dan kebanyakannya tidak dilaporkan kepada polis.

Jenayah penculikan adalah perbuatan yang menangkap secara tidak sah dan mengeluarkan permintaan sebagai syarat membebaskan mangsa seperti wang. Penculikan bukan sahaja bertujuan meminta wang, tetapi penculikan boleh berlaku ke atas kanak-kanak, kemudian kanak-kanak dijual ke luar negara sebagai hamba. Penculikan juga berlaku ke atas wanita-wanita, terutama yang masih muda, kemudian mereka dibawa ke luar negara dan dipaksa melacur diri (Adler *et al.*, 1998).

Contoh jenayah kekerasan yang sungguh serius adalah seperti pengganas yang menggunakan pelbagai jenis senjata yang amat berbahaya seperti bom, gas beracun, senjata api dan menyebabkan kematian orang lain atau kecederaan parah dalam jumlah banyak. Keadaan ini mungkin tidak berlaku dalam negara kita, tetapi ia berlaku di negara-negara lain. Jenayah kekerasan di negara kita mungkin hanya menyebabkan kecederaan atau kematian yang tidak ramai.

Jenayah harta benda adalah seperti mencuri, pecah rumah, menipu dan sebagainya. Jenayah harta benda selalu adalah perbuatan mendapatkan barang seperti wang, kenderaan, barang berharga yang dimiliki oleh orang lain dengan cara yang tidak bermoral seperti mencuri, menipu, merompak. Akhirnya menyebabkan kerugian kepada pemiliknya. Penjenayah selalu mempunyai matlamat dan sebab yang sama, iaitu mendapatkan keuntungan yang lumayan.

Jenayah mencuri adalah yang paling banyak berlaku. Jenayah mencuri boleh berlaku di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Ia boleh berlaku dalam bas, dalam kedai, dalam restoran, pada waktu pagi atau malam. Jenayah ini sering berlaku sebab mereka hendak memiliki barang tersebut tetapi tidak mempunyai wang untuk membeli ia (Adler *et al.*, 1998). Contoh jenayah mencuri adalah kes kecurian kenderaan. Kenderaan dicuri dan kemudian dijual dengan harga yang lebih rendah atau alatan-alatan kenderaan dijual secara berasingan. Tujuan penjenayah mencuri adalah mendapatkan keuntungan semasa menjualkan barang curian. Pemuda yang mencuri kereta, adalah kerana mereka hendak menggunakan kereta itu untuk berlumba (Adler *et al.*, 1998).

Merompak adalah mendapatkan barang hak milik orang lain dengan menggunakan kekerasan. Rompakan bukan sahaja menyebabkan kerugian dari harta benda, tetapi mungkin menyebabkan kecederaan (Beirne dan Messerschmidt, 1995). Kadang-kala rompakan tidak melibatkan senjata, tetapi ada masanya penjenayah menggunakan senjata yang berbahaya untuk memaksa mangsa jenayah menyerahkan semua harta benda. Jika tidak, akan menyebabkan kematian kepada mangsa. Jika kes rompakan telah melibatkan kematian, maka kes itu tidak direkodkan sebagai kes rompakan lagi tetapi direkodkan sebagai kes jenayah yang lebih berat iaitu pembunuhan (Sheley, 1995).

Pecah rumah adalah memasuki rumah, kedai, atau bangunan tanpa pengetahuan tuan rumah, selalunya tidak melibatkan senjata. Tujuan penjenayah pecah rumah adalah mencuri wang, barang berharga seperti barang elektrik, barang kemas, barang kesenian dan sebagainya. Kes jenayah selalu berlaku semasa tuan

RUJUKAN

- Adler, F., Mueller, G. O. W. dan Laufer, W. S., 1998. *Criminology*. Ed. ke-3. McGraw-Hill Companies, Inc., United Atates of America.
- Alatas, S. H., 1995. *Rasuah: Sifat, Sebab dan Fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor.
- Beirne, P. dan Messerschmidt, J., 1995. *Criminology*. Harcourt Brace & Company, United Atates of America.
- Chapman, B., Weatherburn, D., Kapuscinski, C. A., Chilvers M. dan Roussel, S., 2002. *Unemployment Duration, Schooling and Property Crime*. <http://www.lawlink.nsw.gov.au/bocsar1.nsf/pages/cjb74text>.
- Cohen, B. H., 1996. *Explaining Psychological Statistics*. Brools/Cole Publishing Company, United States of America.
- Demombynes, G. dan Özler, B., 2002. *Crime and Local Inequality in South Africa*. World Bank (belum terbit).
- Elliott, C. dan Ellingworth, D., 1996. The relationship between unemployment and crime: A cross-sectional analysis employing the British Crime Survey 1992. *International Journal of Manpower* 17 (6), 81-88.
- Fadaei-Tehrani, R., 1990. Crime, unemployment and poverty. *Criminology* 31 (1), 109-126.
- Flowers, G., 1999. *Crime in Florida's Counties: Community Cohesion Makes A Difference*. <http://floridataxwatch.org/archive/index2.html>.
- Haji Ibrahim, M. R., 1995. *Polis Dalam Sistem Keadilan Jenayah Di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Hinkle, D. E., Wiersma, W. dan Jurs, S. G., 1998. *Applied Statistics for the behavioral sciences*. Ed. ke-4. Houghton Mifflin Company, United States of America.

Jabatan Perangkaan Malaysia, 1965 – 2001. *Buku Tahunan Perangkaan Sabah*.

Jabatan Perangkaan Malaysia, 1992 – 2000. *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia*.

Kleck, G. dan Chiricos, T., 2002. Unemployment and Property Crime: A Target-Specific Assessment of Opportunity and Motivation as Mediating Factors. *Criminology* 40 (3), 649-679.

Lochner, L. dan Moretti, E., 2001. *The Effect of Education on Crime: Evidence from Prison Inmates, Arrests, and Self-Reports*. Rochester Center for Economic Research (belum terbit).

Machin, S. dan Meghir, C., 2000. *Crime And Economic Incentives*. The Institute for Fiscal Studies (belum terbit).

Phillip, J. F., 2001. *Demographic Correlates of Violent Crime in British Columbia, Canada*. <http://www.gunsandcrime.org/bcstudy.html>.

Shahran, M. K., 1995. *Statistik Perihalan dan Kebarangkalian*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Sheley, J. F., 2000. *Criminology*. Wadsworth, United Atates of America.

Sullivan, T. J., 2003. *Introduction to Social Problems*. Ed. ke-6. Pearson Education, Inc., United States of America.

Toothaker, L. E., Miller, L., 1996. *Introduction Statistics for the Behavioral Sciences*. Brooks / Cole Publishing Company, United States of America.

Witt, R. dan Clarke, A., 1998. Crime, earnings inequality and unemployment in England and Wales. *Applied Economics Letters* 5 (4), 265-267.

Young, R. K. dan Veldman, D. J., 1981. *Introduction statistics for the behavioral sciences*. Ed. Ke-4. Holt, Rinehart and Winston, United States of America.